

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA,  
PENGKAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI  
MASLAN**

**[ PONTIAN ]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 4**

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan langkah terperinci dan peruntukan untuk setiap langkah bagi meramaikan jumlah usahawan berdaya maju di sekitar 20 ribu buah kampung seluruh negara. Berikan angka usahawan luar bandar mengikut 14 negeri dan beri 10 nama syarikat yang paling berjaya untuk setiap negeri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jumlah usahawan luar bandar mengikut negeri adalah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Peratus (%)</b>
1	Kelantan	17,989	21.4
2	Melaka	13,284	15.8
3	Perak	8,187	9.8
4	Kedah	6,352	7.6
5	Pahang	5,453	6.5
6	Selangor	5,377	6.4
7	Terengganu	4,622	5.5
8	Johor	4,615	5.5
9	Pulau Pinang	3,777	4.5
10	Sabah	3,698	4.4
11	Sarawak	3,354	4.0
12	Negeri Sembilan	3,239	3.9
13	Perlis	2,639	3.1
14	W.P. Kuala Lumpur	1,343	1.6
15	W.P. Labuan	5	0.0
	<b>Jumlah</b>	<b>83,934</b>	<b>100</b>

**Sumber: Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)**

2. Senarai syarikat yang berjaya di setiap negeri boleh dinilai berdasarkan penilaian SCORE (penarafan 4 dan 5 bintang) oleh SME Corp. Konsep Penarafan Daya Saing PKS bagi Peningkatan (SCORE) ini merupakan alat diagnostik untuk menilai dan meningkatkan daya saing PKS berdasarkan prestasi dan daya saing mereka. Antara kriteria yang diambil kira adalah kekukuhan kewangan, prestasi perniagaan, sumber manusia, pemerolehan dan penerapan teknologi, pensijilan dan kehadiran pasaran.

3. Antara program-program baharu yang telah diperkenalkan dan dilaksanakan oleh MED bagi meramaikan jumlah usahawan berdaya maju di kawasan luar bandar/ kampung adalah seperti berikut:

- (i) **Program Pemangkin Usahawan Sosial Hebat (PUSH)** merupakan program “*Social Enterprise Development*” (SED) oleh MaGIC yang memberikan pendedahan kepada usahawan mengenai perniagaan francais. Inisiatif ini dapat meningkatkan kesan sosial positif di samping mengembangkan perniagaan yang dipacu oleh perusahaan berpertumbuhan tinggi.
- (ii) **Projek Rintis Pembangunan Usahawan Tani Fertigasi (PRINT)** merupakan kerjasama MED dan INSKEN yang dilaksanakan di Terengganu sejak Jun 2019. Ianya mensasarkan penglibatan komuniti B40 melalui galakan keusahawanan dalam bidang tanaman fertigasi. Melalui program ini, usahawan baharu dijangka menjana pendapatan bersih sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan dan menggiatkan penglibatan mereka dalam bidang pengeluaran tanaman makanan secara komersil. Program ini akan diperkembangkan ke seluruh negeri mulai tahun hadapan bermula dengan Negeri Sarawak.

Program pembiayaan yang telah ditawarkan termasuk:

- (i) **Program Pembiayaan Premis Usahawan (i-3P)**  
Pembiayaan yang fleksibel untuk usahawan memiliki atau membiayai semula premis perniagaan seperti rumah kedai, lot kedai, ruang pejabat dan kilang sama ada yang telah selesai atau masih dalam pembinaan. Jumlah kelulusan pembiayaan RM62.56 juta.

- (ii) **Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED)**  
Memfokuskan kepada pengusaha Bumiputera luar bandar bagi memulakan perniagaan, meningkatkan ekonomi serta meningkatkan perusahaan yang diceburi. Jumlah kelulusan pembiayaan RM2.02 juta.
- (iii) **Pembiayaan Kontrak dan MySMEBina**  
Pembiayaan khas untuk membiayai kontrak pembinaan dan infrastruktur serta kontrak mudah yang berjangka pendek bagi melaksanakan serta menyempurnakan projek dalam tempoh kontrak yang telah ditetapkan. Jumlah kelulusan pembiayaan RM477,400.000.
- (iv) **Program Pembiayaan MySMEBekal**  
Pembiayaan khas untuk membiayai kontrak pembekalan dan penyelenggaraan secara terus (tanpa proses nilai tambah) yang berjangka pendek tanpa sebarang cagaran.
- (v) **Program Pembiayaan Perniagaan Kecil (SBF)**  
Fokus untuk meningkat peluang peniaga mikro yang berpotensi besar untuk menceburi bidang perniagaan baru. Program ini menyediakan kemudahan pembiayaan modal kerja dan modal pusingan. Jumlah kelulusan pembiayaan RM1.58 juta.

Program pembangunan usahawan di bawah SME Corp.:

- (i) **Program Rangkaian Mikro (*Micro Connector*)**  
Program ini menawarkan bantuan di peringkat permulaan kepada usahawan mikro untuk memulakan dan menjalankan perniagaan. Sehingga kini, sejumlah 5 syarikat telah dilantik bagi melatih dan menyediakan perkhidmatan kepada B40 serta usahawan mikro, dan 18 peserta B40 telah mendapat manfaat.
- (ii) **Program *Women Netpreneur & Digital Business Workshop***  
Program ini diadakan di Kuching, Miri, Kota Kinabalu dan Tawau yang bertujuan mendedahkan serta menggalakkan

**NO. SOALAN : 4**

penglibatan usahawan wanita dalam perniagaan atas talian. Seramai 421 peserta telah mengikuti program ini.

Sekian, terima kasih.

\*\*\*\*\*